



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/5/2013

Hormat keputusan pilihan raya - Pak Lah

um- 9/5/2013

KUALA LUMPUR 8 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menyeru pembangkang agar menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau berkata, rakyat Malaysia berhak untuk menikmati kestabilan dan kepastian yang hanya tercapai apabila semua pihak dapat memperakui keputusan tersebut.

"Marilah kita terus maju ke depan demi kepentingan semua rakyat Ma-

laysia," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Abdullah menjelaskan, walaupun keputusan PRU-13 tidak dianggap lebih baik daripada yang sebelumnya, namun Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan orang terbaik untuk terus memimpin negara.

Beliau turut menyatakan sokongan padu kepada Najib dan berharap Perdana Menteri akan meneruskan agen-

da-agenda transformasinya.

Rakyat Malaysia ujarnya telah memberikan isyarat jelas bahawa mereka mahukan perubahan dan Najib mestilah respons kepada mereka dengan merancang program-program transformasi.

Program transformasi itu jelasnya perlu dilakukan bagi menangani isu-isu seperti rasuah, jenayah dan kos hidup.

"Saya percaya beliau mempunyai

strategi yang dapat memperbaiki keadaan sedia ada," katanya.

Abdullah juga menyeru semua lapisan rakyat bersatu padu dan bersedia untuk bermuafakat.

"Kita tidak boleh membiarkan sebarang percubaan untuk menjadikan keputusan PRU-13 sebagai isu perkawman. Tindakan tuduh-menuduh dan menyalahkan mana-mana komuniti adalah tidak adil dan tidak memberikan manfaat," katanya.



ABDULLAH AHMAD BADAWI